

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HMT 328 – Psikolinguistik

Masa: [3 jam]

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab soalan SATU [1] serta TIGA [3] soalan yang lain.

1. Terangkan maksud istilah-istilah teknikal yang berikut:
 - a. Afasia
 - b. Kawasan Broca
 - c. Korpus Kalosum
 - d. Disartria
 - e. Homunculus
 - f. Talamus
 - g. Medula
 - h. Pons
 - i. Kawasan Wernicke

2. Bezakan antara model-model persepsi bahasa atas ke bawah (top-down) dengan bawah ke atas (bottom-up). Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa bahasa diproses dari bawah ke atas? Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pemprosesan atas ke bawah barangkali memainkan peranan?

3.
 - a. Bandingkan dan bezakan model-model akses leksikal.
dan
 - b. Apakah persamaan dan perbezaan antara model-model organisasi semantik? Mengapakah “spreading activation network model” dianggap yang paling fleksibel di antara ketiga-tiga model tersebut?
4. Bandingkan model-model penghasilan bahasa yang dimajukan oleh Fromkin, Garrett, Levelt, and Dell. Dari segi apakah model-model ini serupa? Dari segi apakah model-model ini berbeza?
5. Bandingkan dan bezakan pendekatan-pendekatan kognitif dengan interactionist sosial mengenai nativism-empiricism, structuralism-functionalism, dan kanak-kanak aktif-pasif. Apakah ramalan-ramalan yang akan setiap kumpulan ahli-ahli kognitif dan interactionist sosial buat sekiranya kanak-kanak didedahkan kepada bahasa hanya melalui televisyen?
6. Model-model pemprosesan pembacaan sudah menjadi semakin kompleks dan pelbagai. Apakah komponen-komponen yang asas di dalam kebanyakan model-model pemprosesan pembacaan, dan kenapakah model-model teoretikal penting bagi kanak-kanak sebenar?
7. Bincangkan hujah-hujah yang menyokong tempoh kritikal bagi pemerolehan bahasa kedua. Bincangkan juga hujah-hujah yang menyangkal tanggapan ini.